



Rujukan Kami: JUPEM.BK 100-1/3/2 Jld. 2 (4)

Tarikh : 12 Oktober 2021

: 5 Rabiulawal 1443H

Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri

**PEKELILING KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN
BILANGAN 11 TAHUN 2021**

**GARIS PANDUAN PENAMBAHBAIKAN PENGUATKUASAAN
OLEH PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN NEGERI BERHUBUNG
KEWAJIPAN JURUUKUR TANAH BERLESEN MENYIAPKAN KERJA UKUR
MENGIKUT SEKSYEN 398A, KANUN TANAH NEGARA (AKTA 828)**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan garis panduan berkaitan penguatkuasaan seksyen 398A Kanun Tanah Negara (Akta 828) [KTN] oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri (PUPN) ke atas kewajipan menyiapkan kerja ukur yang dijalankan oleh Juruukur Tanah Berlesen (JTB).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Seksyen 398 KTN memberi kuasa kepada PUPN untuk menjalankan suatu pengukuran ke atas mana-mana tanah dalam Negeri bagi maksud-maksud KTN. Seksyen ini juga membolehkan JTB untuk melaksanakan kuasa tersebut bagi pihak PUPN.
- 2.2 Seksyen 398A KTN pula menetapkan jika mana-mana JTB menjalankan suatu pengukuran bagi mana-mana tanah bagi maksud KTN, JTB tersebut

hendaklah menyiapkan kerja ukur dan mendepositkan apa-apa dokumen yang berhubungan dengan kerja ukur tersebut yang ada dalam milik atau kawalannya kepada PUPN mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh PUPN. Sekiranya JTB gagal menyiapkan kerja ukur, PUPN hendaklah menyiapkan atau menyebabkan disiapkan kerja ukur tersebut dan mendapatkan kembali kos menyiapkan kerja ukur daripada JTB berkenaan.

2.3 Lanjutan daripada ini, Pekeliling KPUP Bilangan 4 Tahun 2009 telah pun diterbitkan yang bertujuan untuk menambah baik garis panduan berkaitan penguatkuasaan seksyen 398A KTN oleh PUPN ke atas kewajipan menyiapkan kerja ukur yang dijalankan oleh JTB.

2.4 Aspek penguatkuasaan seksyen 398A KTN yang terkandung dalam Pekeliling KPUP Bilangan 4 Tahun 2009 telah diperkemas serta ditambah baik melalui Pekeliling KPUP Bilangan 11 Tahun 2021 ini. Antara perkara-perkara penting yang diperkemas ialah penetapan had bilangan dan tempoh peringatan, pertanyaan serta Borang 29D (Notis Mengemukakan Dokumen-Dokumen Ukur) KTN termasuk tindakan sivil yang boleh diambil oleh PUPN.

3. TARIKH BERKUAT KUASA

Pekeliling ini hendaklah berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan dan hendaklah meliputi juga semua kerja ukur yang mana nombor lot telah diperuntukkan mulai berkuat kuasanya seksyen 398A Akta A832 (Pindaan) 1992 pada 01 Januari 1993. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersekali dengan Pekeliling KPUP Bilangan 1 Tahun 2001, Pekeliling KPUP Bilangan 2 Tahun 2002, Peraturan Ukur Kadaster Tahun 2009 dan Pekeliling KPUP Bilangan 6 Tahun 2009 yang masih berkuat kuasa.


4. PEMBATALAN

Dengan berkuat kuasanya Pekeliling ini, maka Pekeliling KPUP Bilangan 4 Tahun 2009 adalah dengan ini dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATO' Sr DR. AZHARI BIN MOHAMED)

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia

Salinan kepada:

Agihan Dalaman:

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I
Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan II
Pengarah Ukur Bahagian (Kadaster)

Agihan Luaran:

Setiausaha Lembaga Juruukur Tanah Malaysia (LJT)
Presiden Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah Malaysia (PEJUTA)

**GARIS PANDUAN PENAMBAHBAIKAN PENGUATKUASAAN
OLEH PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN NEGERI
BERHUBUNG KEWAJIPAN JURUUKUR TANAH BERLESEN
MENYIAPKAN KERJA UKUR MENGIKUT
SEKSYEN 398A, KANUN TANAH NEGARA (AKTA 828)**



JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

Muka Surat

| | | |
|----|---|----|
| 1. | TAJUK KECIL | 1 |
| 2. | PEMAKAIAN | 1 |
| 3. | TAFSIRAN | 1 |
| 4. | PERUNTUKAN NOMBOR LOT | 2 |
| 5. | TEMPOH MENYIAPKAN KERJA UKUR OLEH JTB | 2 |
| 6. | TINDAKAN PUPN BERHUBUNG JTB YANG GAGAL MENYIAPKAN KERJA UKUR | 3 |
| | 6.1 JTB Gagal Menyiapkan Kerja Ukur Setelah Nombor Lot Diperuntukkan.... | 4 |
| | 6.2 JTB Gagal Selesaikan Pertanyaan | 6 |
| | 6.3 Tindakan PUPN Mengambil Alih Kerja JTB Untuk Menyiapkan Kerja Ukur..... | 8 |
| | 6.4 Tindakan PUPN Untuk Mendapatkan Semula Kos Kerja Ukur..... | 9 |
| | Lampiran 'A' | 11 |
| | Lampiran 'B' | 12 |
| | Lampiran 'C' | 15 |
| | Lampiran 'D' | 16 |
| | Lampiran 'E' | 18 |
| | Lampiran 'F' | 19 |
| | Lampiran 'G' | 20 |
| | Lampiran 'H' | 21 |
| | Lampiran 'I' | 23 |
| | Lampiran 'J' | 24 |

1. TAJUK KECIL

Garis panduan ini dinamakan Garis Panduan Penambahbaikan Penguatkuasaan oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri Berhubung Kewajipan Juruukur Tanah Berlesen Menyiapkan Kerja Ukur Mengikut Seksyen 398A, Kanun Tanah Negara (Akta 828).

2. PEMAKAIAN

Pekeliling ini juga hendaklah dikuatkuasakan ke atas JTB yang diberi lesen oleh Lembaga Juruukur Tanah Malaysia (LJT) di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen atau akta berkaitan yang sedang berkuat kuasa untuk menjalankan amalan ukur bagi pengeluaran hakmilik selaras dengan Peraturan 25, Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011.

3. TAFSIRAN

Dalam garis panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

“kerja ukur”, ertinya suatu ukuran yang dijalankan oleh Juruukur Tanah Berlesen (JTB) termasuk menyediakan dokumen-dokumen ukur;

“dokumen-dokumen ukur”, ertinya pelan ukur, buku kerja luar, kertas perhitungan, data ukur lain yang relevan dalam bentuk digital atau salinan keras berdasarkan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh JUPEM;

“menyiapkan kerja ukur”, ertinya menyiapkan ukuran dan mengemuka dokumen-dokumen ukur kepada Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri (PUPN);

“menyiapkan pertanyaan”, ertinya menyelesaikan semua arahan dalam syit pertanyaan.

4. PERUNTUKAN NOMBOR LOT

- 4.1 Juruukur Tanah Berlesen (JTB) perlu menghantar dokumen-dokumen dengan lengkap kepada PUPN mengikut prosedur dalam Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan (KPUP) Bilangan 6 Tahun 2009 dan manual-manual pengguna dalam sistem eKadaster semasa mengemukakan permohonan nombor lot.
- 4.2 Bagi permohonan yang melibatkan jumlah lot yang besar, JTB adalah digalakkan untuk memohon nombor lot mengikut fasa-fasa pembangunan dan peringkat pelaksanaan kerja ukur.
- 4.3 Sebelum meluluskan peruntukan nombor lot, PUPN hendaklah memastikan jumlah nombor lot yang diperuntukkan adalah sama mengikut jumlah plot yang ditunjukkan pada pelan-pelan yang berkaitan dan Sijil Akuan LJT.
- 4.4 Format memperuntukkan nombor lot kepada JTB adalah seperti di **Lampiran 'A'**.

5. TEMPOH MENYIAPKAN KERJA UKUR OLEH JTB

- 5.1 Tempoh menyiapkan kerja ukur dengan lengkap dan teratur oleh JTB adalah bermula dari tarikh surat peruntukan nombor lot oleh PUPN dan ditetapkan mengikut **Jadual 1** seperti berikut:

| Bil. | Jumlah Lot Setiap Fail | Tempoh Menyiapkan Kerja Ukur (Hari) |
|-------------|-------------------------------|--|
| 1. | 1 - 10 | 30 |
| 2. | 11 - 30 | 60 |
| 3. | 31 - 50 | 90 |
| 4. | 51 - 100 | 120 |
| 5. | 101 - 500 | 150 |
| 6. | Lebih 500 | 180 |

Jadual 1: Tempoh Menyiapkan Kerja Ukur

- 5.2 PUPN hendaklah memastikan JTB mematuhi tempoh menyiapkan kerja ukur seperti di **Jadual 1**. Walau apa pun yang terkandung dalam Pekeliling ini, PUPN juga adalah dikehendaki mengambil apa-apa tindakan yang perlu bagi memastikan Pelan Akui dapat diluluskan dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh dokumen-dokumen ukur diterima daripada JTB untuk semakan seperti di perenggan 5.3, Pekeliling KPUP Bilangan 1 Tahun 2001.
- 5.3 JTB disarankan untuk menyiapkan kerja ukur lebih awal dari tempoh yang telah ditetapkan seperti di **Jadual 1**, untuk membolehkan semakan kerja ukur dan Pelan Akui dapat diluluskan dengan lebih segera oleh PUPN.
- 5.4 Untuk kerja ukur yang tidak memerlukan nombor lot seperti sempadan hutan simpan, PUPN adalah disarankan untuk merujuk kepada perjanjian atau kontrak yang telah dimeterai di antara pihak yang melantik dengan JTB berkenaan bagi menyelaraskan tempoh menyiapkan kerja ukur. Sekiranya terdapat permohonan untuk melanjutkan tempoh menyiapkan kerja ukur daripada JTB dengan dokumen sokongan dan fakta yang munasabah, PUPN bolehlah setelah meneliti dokumen dan fakta yang dikemukakan menggunakan budi bicara untuk melanjutkan tempoh menyiapkan kerja ukur. Walau bagaimanapun ia tertakluk kepada persetujuan pihak yang melantik JTB berkenaan.

6. TINDAKAN PUPN BERHUBUNG JTB YANG GAGAL MENYIAPKAN KERJA UKUR

Terdapat dua keadaan yang boleh berlaku untuk menyebabkan tindakan penguatkuasaan seksyen 398A Kanun Tanah Negara (Akta 828) [KTN] oleh PUPN terhadap mana-mana JTB yang gagal menyiapkan kerja ukur.

- i. Keadaan pertama ialah nombor lot telah diperuntukkan, tetapi JTB gagal menyiapkan kerja ukur dalam tempoh masa yang ditetapkan.

- ii. Keadaan kedua pula ialah nombor lot telah diperuntukkan kepada JTB dan seterusnya JTB menyiapkan kerja ukur dan dikemukakan kepada PUPN untuk disemak. Setelah semakan dijalankan didapati terdapat pertanyaan dan pertanyaan ini tidak diselesaikan oleh JTB menyebabkan kerja ukur gagal disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Proses tindakan yang perlu diambil oleh PUPN ialah sepertimana yang ditunjukkan dalam carta alir di **Lampiran 'B'**.

6.1 JTB Gagal Menyiapkan Kerja Ukur Setelah Nombor Lot Diperuntukkan

6.1.1 JTB hendaklah menyiapkan kerja ukur dalam tempoh yang ditetapkan seperti di perenggan 5.1.

6.1.2 Sekiranya JTB gagal menyiapkan kerja ukur dalam tempoh masa yang ditetapkan:

- (1) PUPN hendaklah mengemukakan surat peringatan yang menghendaki supaya JTB menyiapkan kerja ukur dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh surat berkenaan seperti di **Lampiran 'C'**. PUPN hanya akan mengemukakan maksimum sebanyak tiga (3) kali surat peringatan sahaja.
- (2) Jika JTB masih gagal menyiapkan kerja ukur setelah tamat tempoh empat belas (14) hari dari tarikh surat peringatan kali ketiga (terakhir), setelah itu PUPN hendaklah dalam tempoh empat belas (14) hari berikutnya menyampaikan Borang 29D kepada JTB mengikut peruntukan subseksyen 398A(2) KTN yang menghendaki supaya JTB menyiapkan kerja ukur tersebut dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penyampaian Borang 29D berkenaan seperti di **Lampiran 'D'**.

Borang 29D tersebut hendaklah disampaikan kepada JTB mengikut seksyen 431, Bahagian Tiga Puluh Tiga KTN.

- (3) Jika JTB masih gagal menyiapkan kerja ukur dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh Borang 29D disampaikan kepadanya, setelah itu PUPN hendaklah dalam tempoh yang munasabah memfailkan tindakan sivil terhadap JTB tersebut di bawah peruntukan subseksyen 424(2) KTN. PUPN hendaklah mendapatkan nasihat dan pandangan daripada Ketua Unit Guaman atau Penasihat Undang-Undang di Negeri masing-masing berkenaan tindakan sivil tersebut. Seterusnya tanpa menunggu proses tindakan sivil tersebut selesai, PUPN hendaklah dalam tempoh empat belas (14) hari selepas tamat tempoh Borang 29D, mengemukakan aduan kepada LJT mengikut Peraturan 32, Peraturan-Peraturan JTB 2011 seperti di **Lampiran 'E'**. PUPN hendaklah dalam tempoh empat belas (14) hari ini juga mengambil alih kerja untuk menyiapkan kerja ukur tersebut seperti di perenggan 6.3.

6.1.3 Sebaliknya bagi keadaan dimana JTB menyiapkan kerja ukur seperti berikut di bawah:

- (1) Mengikut tempoh yang telah ditetapkan; atau
- (2) Sebelum tamat tempoh empat belas hari (14) dari tarikh surat peringatan pertama atau selewat-lewatnya dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh surat peringatan kali ketiga (terakhir) dikemukakan; atau
- (3) Dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh Borang 29D disampaikan;

PUPN hendaklah meneruskan semakan kerja ukur berdasarkan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh JUPEM mengikut **Proses A** dalam carta alir di **Lampiran 'B'**.

6.2 JTB Gagal Selesaikan Pertanyaan

6.2.1 Setelah JTB menyiapkan kerja ukur, PUPN hendaklah menjalankan semakan mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh JUPEM dan jika didapati kerja ukur adalah lengkap dan teratur, Pelan Akui akan dijana dan diluluskan oleh PUPN.

6.2.2 Sekiranya setelah PUPN menjalankan semakan dan didapati kerja ukur adalah tidak lengkap atau tidak teratur, maka PUPN hendaklah mengambil tindakan terhadap JTB seperti berikut:

- (1) PUPN hendaklah mengemukakan syit pertanyaan kepada JTB dalam tempoh empat belas (14) hari yang menghendaki supaya JTB menyiapkan pertanyaan dan mengemukakan semua dokumen berhubung pertanyaan tersebut dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh syit pertanyaan tersebut. PUPN hanya akan mengemukakan maksimum sebanyak tiga (3) syit pertanyaan sahaja.
- (2) Jika JTB masih gagal menyiapkan pertanyaan setelah tamat tempoh empat belas (14) hari dari tarikh syit pertanyaan yang ketiga, setelah itu PUPN hendaklah dalam tempoh empat belas (14) hari berikutnya mengemukakan surat peringatan yang menghendaki supaya JTB menyiapkan pertanyaan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh surat peringatan seperti di **Lampiran 'F'**. PUPN hanya akan mengemukakan maksimum sebanyak tiga (3) surat peringatan sahaja.

6.2.3 Sekiranya JTB menyiapkan pertanyaan setelah PUPN mengambil tindakan di perenggan 6.2.2, maka PUPN hendaklah meneruskan semakan kerja ukur dan selanjutnya adalah proses penjanaaan dan kelulusan Pelan Akui.

6.2.4 Sebaliknya jika JTB masih gagal menyiapkan pertanyaan setelah tamat tempoh empat belas (14) hari dari tarikh surat peringatan ketiga seperti di perenggan 6.2.2(2), setelah itu tindakan PUPN selanjutnya adalah seperti berikut:

- (1) PUPN hendaklah dalam tempoh empat belas (14) hari berikutnya menyampaikan Borang 29D kepada JTB mengikut peruntukan subseksyen 398A(2) KTN yang menghendaki supaya JTB menyiapkan kerja ukur tersebut dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penyampaian Borang 29D berkenaan seperti di **Lampiran 'D'**. Borang 29D tersebut hendaklah disampaikan kepada JTB mengikut seksyen 431, Bahagian Tiga Puluh Tiga KTN.
- (2) Jika JTB masih gagal menyiapkan kerja ukur dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh Borang 29D disampaikan kepadanya seperti di perenggan 6.2.4(1). PUPN hendaklah dalam tempoh yang munasabah memfailkan tindakan sivil terhadap JTB tersebut di bawah peruntukan subseksyen 424(2) KTN. PUPN hendaklah mendapatkan nasihat dan pandangan daripada Ketua Unit Guaman atau Penasihat Undang-Undang di Negeri masing-masing berkenaan tindakan sivil tersebut. Seterusnya tanpa menunggu proses tindakan sivil tersebut selesai, PUPN hendaklah dalam tempoh empat belas (14) hari selepas tamat tempoh Borang 29D, mengemukakan aduan kepada LJTB mengikut Peraturan 32, Peraturan-Peraturan JTB

2011 seperti di **Lampiran 'G'**. PUPN hendaklah dalam tempoh empat belas (14) hari ini juga mengambil alih kerja untuk menyiapkan kerja ukur tersebut seperti di perenggan 6.3.

6.2.5 Sekiranya JTB menyiapkan kerja ukur dalam tempoh empat belas (14) hari setelah Borang 29D disampaikan di perenggan 6.2.4(1), PUPN hendaklah meneruskan semakan mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh JUPEM dan jika ukuran yang dikemukakan adalah lengkap dan teratur, Pelan Akui akan dijana dan diluluskan oleh PUPN.

6.2.6 Sekiranya JTB gagal menyiapkan kerja ukur seperti di perenggan 6.2.4(1) setelah tamat tempoh empat belas (14) hari dari tarikh Borang 29D disampaikan, maka tindakan selanjutnya adalah seperti di perenggan 6.2.4(2).

6.3 Tindakan PUPN Mengambil Alih Kerja JTB Untuk Menyiapkan Kerja Ukur

6.3.1 Susulan kegagalan JTB menyiapkan kerja ukur, PUPN hendaklah mengkategorikan kerja ukur berkenaan berdasarkan kriteria seperti berikut:

- (1) Mana-mana kerja ukur yang melebihi 5 hektar atau melebihi 10 lot atau jenis kerja ukur yang melibatkan projek khas atau kerja ukur yang mempunyai kesalahan serius mengikut pertimbangan PUPN (rujukan sepertimana yang dijelaskan di perenggan 6.7.2(iii), Pekeliling KPUP Bilangan 2 Tahun 2002) bolehlah dikemukakan kepada LJT untuk mengambil alih kerja ukur tersebut.

- (2) PUPN hendaklah menyenaraikan fail-fail ukur yang perlu diambil alih oleh LJT sepertimana di **Lampiran 'H'**.
- (3) Manakala kerja ukur yang luasannya kurang daripada 5 hektar atau kurang daripada 10 lot atau jenis kerja ukur yang tidak melibatkan projek khas atau tiada kesalahan serius boleh diambil alih oleh PUPN.

6.3.2 Tindakan PUPN bagi kerja ukur yang akan diambil alih adalah seperti berikut:

- (1) Hendaklah mengemukakan notis ambil alih kerja ukur kepada JTB yang terlibat dalam tempoh empat belas (14) hari setelah tamat tempoh Borang 29D mengikut peruntukan subseksyen 398A(3) KTN seperti di **Lampiran 'I'**.
- (2) Seterusnya hendaklah menyiapkan kerja ukur dan meluluskan Pelan Akui mengikut subseksyen 398A(3) KTN dalam tempoh yang ditetapkan sebagaimana piagam pelanggan dan peraturan yang sedang berkuat kuasa di JUPEM.

6.4 Tindakan PUPN Untuk Mendapatkan Semula Kos Kerja Ukur

6.4.1 Selepas kerja ukur diambil alih dan disiapkan oleh PUPN, kos kerja ukur sebenar di pejabat dan di lapangan yang ditentukan oleh PUPN akan dituntut dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh Pelan Akui diluluskan daripada JTB berkenaan. Surat tuntutan tersebut adalah seperti di **Lampiran 'J'**.

- 6.4.2 JTB hendaklah menjelaskan bayaran kos kerja ukur tersebut kepada PUPN dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh surat tuntutan kos kerja ukur di atas menggunakan Kod Hasil Akaun Persekutuan.
- 6.4.3 Jika JTB gagal menjelaskan bayaran dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh surat tuntutan seperti di perenggan 6.4.1, berdasarkan kepada peruntukan subseksyen 398A(3) KTN, PUPN hendaklah mendapatkan kembali kos kerja ukur tersebut selepas tamat tempoh surat tuntutan kos ukur dengan mengambil tindakan sivil terhadap JTB tersebut dalam tempoh yang munasabah di bawah subseksyen 16(1)(d) KTN. PUPN hendaklah mendapatkan nasihat dan pandangan daripada Ketua Unit Guaman atau Penasihat Undang-Undang di Negeri masing-masing berkenaan tindakan sivil tersebut.

Lampiran 'A'

Ruj. Kami :

Ruj. Tuan :

Tarikh :

(Nama Juruukur Tanah Berlesen)

<Alamat>

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan,

**PERUNTUKAN NOMBOR LOT BAGI UKURAN PEMBERIMILIKAN/PECAH
SEMPADAN/PECAH BAHAGIAN/CANTUMAN/SERAHBALIK DAN KURNIA
SEMULA/LAIN-LAIN.....**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini diperuntukkan nombor lot hingga
Bandar/Pekan/Mukim..... Daerah untuk YBhg.
Datuk/Dato'/tuan menjalankan ukuran seperti yang tersebut di atas.

3. Sehubungan itu, seperti yang diperuntukkan mengikut subseksyen 398A(1) Kanun Tanah Negara (Akta 828), tuan hendaklah menyiapkan kerja ukur tersebut dan mengemukakan semua dokumen ukur tersebut ke Jabatan ini dalam tempoh **hari dari tarikh surat ini iaitu tidak lewat daripada** (*nyatakan tarikh*). YBhg. Datuk/Dato'/tuan juga adalah digalakkan untuk menyiapkan kerja ukur lebih awal dari tempoh yang telah ditetapkan.

4. Sekiranya YBhg. Datuk/Dato'/tuan gagal mematuhi arahan ini, Borang 29D (Notis Mengemukakan Dokumen-Dokumen Ukur) mengikut subseksyen 398A(2) Kanun Tanah Negara (Akta 828) akan disampaikan kepada YBhg. Datuk/Dato'/Tuan untuk mendapatkan semua dokumen-dokumen ukur yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


Saya yang menjalankan amanah,

.....
(nama)
Pengarah Ukur dan Pemetaan ...(Negeri)...

- s.k.
1. Pejabat Tanah dan Daerah
 2. Pejabat Tanah dan Galian Negeri
 3. Tuan Tanah

Lampiran 'B'

**CARTA ALIR GARIS PANDUAN PENAMBAHBAIKAN PENGUATKUASAAN
OLEH PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN NEGERI BERHUBUNG
KEWAJIPAN JURUUKUR TANAH BERLESEN MENYIAPKAN KERJA UKUR
MENGIKUT SEKSYEN 398A, KANUN TANAH NEGARA (AKTA 828)**




Proses PUPN Mengambil Alih Kerja JTB Untuk Menyiapkan Kerja Ukur


Proses Menyiapkan Kerja Ukur Oleh JTB

Proses Mengemukakan Borang 29D

Proses Mengemukakan Borang 29D



Proses PUPN Mengambil Alih Kerja JTB Untuk Menyiapkan Kerja Ukur Dan Mendapatkan Semula Kos Kerja Ukur



Lampiran 'C'

Ruj. Kami:
Tarikh:

(Nama Juruukur Tanah Berlesen)
<Alamat>

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan,

PERINGATAN PERTAMA/KEDUA/KETIGA(TERAKHIR): MENYIAPKAN KERJA UKUR BAGI PEMBERIMILIKAN/PECAH SEMPADAN/PECAH BAHAGIAN/CANTUMAN/SERAH BALIK DAN KURNIA SEMULA/LAIN-LAIN..... UNTUK LOT HINGGA LOT BANDAR/PEKAN/MUKIM DAERAH

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, Jabatan ini masih belum menerima dokumen-dokumen ukur yang berkaitan setelah nombor lot diperuntukkan seperti surat arahan Jabatan ini bil..... bertarikh

3. Sehubungan itu, tu YBhg. Datuk/Dato'/tuan adalah dengan ini diarahkan untuk menyiapkan kerja ukur dan mengemukakan dokumen-dokumen ukur tersebut dalam tempoh **empat belas (14) hari** dari tarikh surat ini dikemukakan. Sekiranya tiada sebarang maklum balas dalam tempoh tersebut Jabatan ini boleh mengambil tindakan di bawah **seksyen 398A, KTN**.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(*-nama-*)
Pengarah Ukur dan Pemetaan ...(Negeri)...

- s.k.
1. Pengarah Ukur Bahagian Kadaster
 2. Pejabat Tanah dan Daerah
 3. Pejabat Tanah dan Galian Negeri
 4. Setiausaha Lembaga Juruukur Tanah Malaysia
 5. Tuan Tanah

Lampiran 'D'

Ruj. Kami :
Tarikh :

(Nama Juruukur Tanah Berlesen)
<Alamat>

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan,

PENYAMPAIAN BORANG 29D: DI BAWAH SUBSEKSYEN 398A(2) KANUN TANAH NEGARA (AKTA 828) BAGI UKURAN PEMBERIMILIKAN/PECAH SEMPADAN/PECAH BAHAGIAN/CANTUMAN/SERAHBALIK DAN KURNIA SEMULA/LAIN-LAIN..... BAGI LOT HINGGA LOT BANDAR/PEKAN/MUKIM DAERAH

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan surat-surat peringatan yang dikemukakan kepada YBhg. Datuk/Dato'/Tuan rujukan..... bertarikh..... adalah berkaitan.

2. Tuan didapati gagal menyiapkan kerja ukur kerana tidak mengemukakan dokumen-dokumen ukur/tidak menyelesaikan pertanyaan-pertanyaan bagi ukuran seperti perkara yang tersebut di atas.
3. Oleh yang demikian, bersama-sama ini disampaikan Borang 29D (Notis Mengemukakan Dokumen-Dokumen Ukur) mengikut peruntukan subseksyen 398A(2) Kanun Tanah Negara (KTN) yang dengan jelas menerangkan maksudnya.
4. Sekiranya YBhg. Datuk/Dato'/Tuan gagal mengemukakan dokumen-dokumen ukur untuk menyiapkan kerja ukur tersebut dalam tempoh yang dinyatakan dalam Borang 29D, YBhg. Datuk/Dato'/Tuan adalah melakukan suatu kesalahan terhadap subseksyen 424(2), KTN dan jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda atau dipenjarakan atau kedua-duanya sekali.
5. Jabatan ini juga boleh mengambil alih kerja ukur tersebut mengikut subseksyen 398A(3) KTN untuk menyiapkan kerja ukur. Seterusnya kos kerja ukur sebenar di pejabat dan di lapangan yang ditentukan oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri akan dituntut daripada YBhg. Datuk/Dato'/Tuan sebaik sahaja Pelan Akui diluluskan.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(-nama-)
Pengarah Ukur dan Pemetaan ...(Negeri)...

- s.k.
1. Pengarah Ukur Bahagian Kadaster
 2. Pejabat Tanah dan Daerah
 3. Pejabat Tanah dan Galian Negeri
 4. Setiausaha Lembaga Juruukur Tanah Malaysia
 5. Tuan Tanah

Kanun Tanah Negara
Borang 29D
(Seksyen 398A)
NOTIS MENGEMUKAKAN DOKUMEN-DOKUMEN UKUR

Kepada

yang beralamat di

Bahawasanya adalah perlu bagi saya untuk memeriksa dokumen-dokumen berikut yang berhubung dengan ukur tanah No. Lot..... Mukim DaerahNegeri

- (a) pelan/pelan-pelan ukur;
- (b) buku/buku-buku kerjeluar;
- (c) kertas/kertas-kertas perhitungan;
- (d) data ukur yang lain

.....
.....

Dan bahawasanya saya mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa dokumen/dokumen-dokumen tersebut adalah dalam milikan atau kawalan kamu.

Maka, dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 398A Kanun Tanah Negara, dengan ini saya menghendaki kamu dalam tempoh **empat belas (14) hari** dari tarikh penyampaian notis ini, untuk mengemukakan dokumen/dokumen-dokumen tersebut untuk pemeriksaan.

Dan ambil perhatian bahawa jika, tanpa alasan yang munasabah, kamu gagal mengemukakan dokumen/dokumen-dokumen tersebut dalam tempoh yang dinyatakan, kamu adalah melakukan suatu kesalahan terhadap subseksyen 424(2) Kanun Tanah Negara.

Bertarikh pada.....

.....
Pengarah Ukur dan Pemetaan
Negeri.....

Lampiran 'E'

Ruj.Kami :
Tarikh :

Setiausaha Lembaga Jurukur Tanah Malaysia
Aras 5-7, Wisma LJT, Lorong Perak
Pusat Bandar Melawati
53100 KUALA LUMPUR

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan,

ADUAN KEGAGALAN JURUUKUR TANAH BERLESEN MENGEMUKAKAN DOKUMEN-DOKUMEN UKUR UNTUK MENYIAPKAN KERJA UKUR MENGIKUT SUBSEKSYEN 398A(2), KANUN TANAH NEGARA (AKTA 828) BAGI UKURAN PEMBERIMILIKAN/PECAH SEMPADAN/PECAH BAHAGIAN/CANTUMAN/SERAH BALIK DAN KURNIA SEMULA/LAIN-LAIN..... UNTUK LOT HINGGA LOT BANDAR/PEKAN/MUKIM DAERAH

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Jabatan ini ingin membuat aduan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Peraturan 32, Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011 berhubung(Nama Juruukur Tanah Berlesen).... yang gagal mengemukakan dokumen-dokumen ukur untuk menyiapkan kerja ukur dalam tempoh masa yang ditetapkan setelah Borang 29D (Notis Mengemukakan Dokumen-Dokumen Ukur) disampaikan.

3. Sehubungan itu, bersama-sama surat ini disertakan senarai kerja-kerja ukur yang dijalankan oleh Juruukur Tanah Berlesen tersebut dan salinan dokumen-dokumen ukur yang berkaitan untuk diambil tindakan oleh pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(*-nama-*)
Pengarah Ukur dan Pemetaan ...(Negeri)...

- s.k.
1. Pengarah Ukur Bahagian Kadaster
 2. Pejabat Tanah dan Daerah
 3. Pejabat Tanah dan Galian Negeri
 4. Tuan Tanah

Lampiran 'F'

Ruj. Kami :

Tarikh :

(Nama Juruukur Tanah Berlesen)

<Alamat>

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan,

PERINGATAN PERTAMA/KEDUA/KETIGA(TERAKHIR): MENGEMUKAKAN DOKUMEN-DOKUMEN UKUR UNTUK MENYIAPKAN KERJA UKUR BAGI UKURAN PEMBERIMILIKAN/PECAH SEMPADAN/PECAH BAHAGIAN/CANTUMAN/SERAH BALIK DAN KURNIA SEMULA/LAIN-LAIN..... UNTUK LOT HINGGA LOT BANDAR/PEKAN/MUKIM DAERAH

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Hasil semakan melalui sistem JUPEM2U, didapati pertanyaan yang dikemukakan pada ...(*tarikh pertanyaan*)... masih tidak diselesaikan oleh YBhg. Datuk/Dato'/Tuan.

3. Sehubungan itu, YBhg. Datuk/Dato'/Tuan dengan ini diarahkan untuk mengemukakan dokumen-dokumen ukur serta menyiapkan pertanyaan tersebut dalam tempoh **empat belas (14) hari** dari tarikh surat ini dikemukakan. Sekiranya tiada sebarang maklum balas dalam tempoh tersebut, Jabatan ini boleh mengambil tindakan di bawah **seksyen 398A, KTN (Akta 828)**.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(*-nama-*)

Pengarah Ukur dan Pemetaan ...(Negeri)...

- s.k. 1. Pengarah Ukur Bahagian Kadaster
2. Pejabat Tanah dan Daerah
3. Pejabat Tanah dan Galian Negeri
4. Setiausaha Lembaga Juruukur Tanah Malaysia
5. Tuan Tanah

Lampiran 'G'

Ruj.Kami :

Tarikh :

Setiausaha Lembaga Jurukur Tanah Malaysia
Aras 5-7, Wisma LJT, Lorong Perak
Pusat Bandar Melawati
53100 KUALA LUMPUR

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan,

ADUAN BERKAITAN JURUUKUR TANAH BERLESEN GAGAL MENYIAPKAN KERJA UKUR MENGIKUT SUBSEKSYEN 398A(2), KANUN TANAH NEGARA (AKTA 828) BAGI UKURAN PEMBERIMILIKAN/PECAH SEMPADAN/PECAH BAHAGIAN/CANTUMAN/SERAH BALIK DAN KURNIA SEMULA/LAIN-LAIN..... UNTUK LOT HINGGA LOT BANDAR/PEKAN/MUKIM DAERAH

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Jabatan ini ingin membuat aduan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Peraturan 32, Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011 berhubung(Nama Juruukur Tanah Berlesen)... yang gagal menyiapkan kerja ukur setelah Borang 29D (Notis Mengemukakan Dokumen-Dokumen Ukur) disampaikan.

3. Sehubungan itu, bersama-sama surat ini disertakan salinan surat dan dokumen-dokumen ukur yang berkaitan untuk perhatian dan tindakan pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(*-nama-*)
Pengarah Ukur dan Pemetaan ...(Negeri)...

- s.k.
1. Pengarah Ukur Bahagian Kadaster
 2. Pejabat Tanah dan Daerah
 3. Pejabat Tanah dan Galian Negeri
 4. Tuan Tanah

Lampiran 'H'

Ruj.Kami :
Tarikh :

Setiausaha Lembaga Jurukur Tanah Malaysia
Aras 5-7, Wisma LJT, Lorong Perak
Pusat Bandar Melawati
53100 KUALA LUMPUR

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan,

ADUAN BERKAITAN JURUUKUR TANAH BERLESEN GAGAL MENYIAPKAN KERJA UKUR MENGIKUT SEKSYEN 398A, KANUN TANAH NEGARA (AKTA 828) BAGI UKURAN PEMBERILIKAN/PECAH SEMPADAN/PECAH BAHAGIAN/CANTUMAN/SERAH BALIK DAN KURNIA SEMULA/LAIN-LAIN..... UNTUK LOT HINGGA LOT BANDAR/PEKAN /MUKIM DAERAH

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Jabatan ini ingin membuat aduan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Peraturan 32, Peraturan-Peraturan Jurukur Tanah Berlesen 2011 terhadap(Nama Jurukur Tanah Berlesen).... yang telah gagal menyiapkan kerja ukur dalam tempoh masa yang ditetapkan.

3. Sehubungan itu, bersama-sama surat ini disertakan senarai kerja-kerja ukur Jurukur Tanah Berlesen tersebut seperti di **JADUAL 'A'** berdasarkan kriteria yang ditetapkan dalam Pekeliling KPUP Bilangan 11 Tahun 2021 untuk diambil alih oleh pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan.

4. Disertakan juga Borang 29D (Notis Mengemukakan Dokumen-Dokumen Ukur) yang telah disampaikan kepada Jurukur Tanah Berlesen tersebut dan salinan dokumen-dokumen ukur yang berkaitan untuk perhatian pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(*-nama-*)
Pengarah Ukur dan Pemetaan ...(Negeri)...

- s.k.
1. Pengarah Ukur Bahagian Kadaster
 2. Pejabat Tanah dan Daerah
 3. Pejabat Tanah dan Galian Negeri
 4. Tuan Tanah

JADUAL 'A'

SENARAI KERJA UKUR YANG TIDAK DISIAPKAN OLEH JTB UNTUK TINDAKAN LJJT

| Bil. | Nama JTB/Firma | No. Fail JUPEM /Lot/Mukim/Daerah /Negeri | Tarikh Nombor Lot Diperuntukkan | Tarikh Borang 29D Disampaikan | ≥5 hektar (Ya / Tidak) *disertakan dokumen ukur berkaitan | ≥10 Lot (Ya / Tidak) *disertakan dokumen ukur berkaitan | Projek Khas (Ya/Tidak) *disertakan dokumen ukur berkaitan | Kesalahan Serius (Ya/Tidak) *disertakan laporan |
|------|-------------------|--|------------------------------------|----------------------------------|---|---|---|---|
| | | | | | | | | |
| | | | | | | | | |
| | | | | | | | | |
| | | | | | | | | |
| | | | | | | | | |
| | | | | | | | | |
| | | | | | | | | |

Lampiran 'I'

Ruj.Kami :
Tarikh :

(Nama Juruukur Tanah Berlesen)
<Alamat>

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan,

PEMBERITAHUAN MENGAMBIL ALIH KERJA DI BAWAH SUBSEKSYEN 398A(3) KANUN TANAH NEGARA (AKTA 828) BAGI UKURAN PEMBERIMILIKAN/PECAH SEMPADAN /PECAH BAHAGIAN/CANTUMAN/SERAHBALIK DAN KURNIA SEMULA/LAIN-LAIN..... OLEH JUPEM NEGERI BAGI LOT HINGGA LOT BANDAR/PEKAN/MUKIM DAERAH

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan Borang 29D (Notis Mengemukakan Dokumen-Dokumen Ukur) yang disampaikan kepada tuan bertarikh..... adalah berkaitan.

2. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan didapati telah gagal mengemukakan dokumen-dokumen ukur/gagal menyelesaikan pertanyaan kerja ukur seperti perkara yang tersebut di atas.
3. Dengan ini, dimaklumkan Jabatan ini telah mengambil alih kerja tersebut mengikut peruntukan subseksyen 398A(3) Kanun Tanah Negara untuk disiapkan Pelan Akui dan seterusnya kos ukur sebenar di pejabat dan di lapangan yang ditentukan oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri akan dituntut daripada YBhg. Datuk/Dato'/Tuan sebaik sahaja Pelan Akui diluluskan.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(*-nama-*)
Pengarah Ukur dan Pemetaan ...(Negeri)...

- s.k.
1. Pengarah Ukur Bahagian Kadaster
 2. Pejabat Tanah dan Daerah
 3. Pejabat Tanah dan Galian Negeri
 4. Setiausaha Lembaga Juruukur Tanah Malaysia
 5. Tuan Tanah

Lampiran 'J'

Ruj.Kami :

Tarikh :

(Nama Juruukur Tanah Berlesen)

<Alamat>

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan,

TUNTUTAN KOS KERJA UKUR BAGI MENYIAPKAN KERJA UKUR YANG DIAMBIL ALIH DARIPADA JURUUKUR TANAH BERLESEN BAGI UKURAN PEMBERIMILIKAN/PECAH SEMPADAN/PECAH BAHAGIAN/CANTUMAN/SERAHBALIK DAN KURNIA SEMULA/LAIN-LAIN.....OLEH JUPEM NEGERI BAGI LOTHINGGA LOT BANDAR/PEKAN/MUKIM..... DAERAH

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan surat pengambilalihan kerja ukur bertarikh..... yang dikemukakan kepada pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan ini telah menyiapkan kerja ukur tersebut dan Pengarah Ukur dan Pemetaan(Negeri)..... telah pun meluluskan Pelan Akui pada

3. Sehubungan itu, selaras dengan peruntukan subseksyen 398A(3) Kanun Tanah Negara (KTN), YBhg. Datuk/Dato'/Tuan adalah dengan ini dikehendaki menjelaskan bayaran kos kerja ukur berjumlah RM..... ke Jabatan ini dalam tempoh **empat belas (14) hari** dari tarikh surat ini. Bayaran melalui wang tunai/cek hendaklah dibuat atas nama Pengarah Ukur dan Pemetaan ...(Negeri)...

4. Sekiranya YBhg. Datuk/Dato'/Tuan gagal membuat bayaran di atas, Jabatan ini akan mengambil tindakan sivil mengikut peruntukan subseksyen 16(1) KTN terhadap YBhg. Datuk/Dato'/Tuan.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(.....
(-nama-)

Pengarah Ukur dan Pemetaan ...(Negeri)...

- s.k.
1. Pengarah Ukur Bahagian Kadaster
 2. Pejabat Tanah dan Daerah
 3. Pejabat Tanah dan Galian Negeri
 4. Setiausaha Lembaga Juruukur Tanah Malaysia
 5. Tuan Tanah